

'Penjawat awam kena berani pecah tembok kemustahilan'

Penjawat awam perlu berani memisahkan diri daripada pemikiran tradisional dan berani memecahkan tembok kemustahilan untuk mencapai kejayaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, tembok itu boleh dilepasi jika penjawat awam berani meneroka bidang baru berasaskan inovasi, kreativiti serta memikir di luar kotak.

"Dalam persaingan sengit ekonomi dunia, perkhidmatan awam memerlukan budaya kecemerlangan urus tadbir, menghayati kreativiti dan inovasi untuk meningkatkan kemampuan," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2011 di Institut Jantung Negara (IJN) di sini, semalam.

Ganjaran RM1 juta

Anugerah bertemakan 'Inovasi Dipersada, Rakyat Sejahtera' dimenangi IJN yang turut menerima ganjaran RM1 juta, piala dan sijil daripada Najib. Ia diterima Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Dr Robaayah Zambahari.

Pada majlis berkenaan, IJN menyanjung secara langsung pembedahan pintasan jantung yang dilakukan ke atas seorang bekas tentera berusia 57 tahun oleh pasukan perubatan diketuai Dr Jeswant Dhillon dan prosedur mengesan masalah jantung pada lelaki berusia 54 tahun yang juga pesakit kencing manis, darah tinggi dan kolesterol tinggi oleh Dr Shaiful Azmi Yahaya.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Penaung Yayasan IJN; Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa; Pengerusi IJN, Tan Sri Mohd Taha Arif dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Mohamad Zabidi Zainal.

Bantu segera pesakit

Dr Mohamed Ezani yang juga Perunding Kardiotorasik dan Jantung IJN berkata, beliau mendapat idea untuk mewujudkan klinik bergerak berkenaan selepas mendapati pesakit di luar bandar sukar untuk mendapatkan rawatan jantung di ibu negara.

Katanya, ia juga sejajar dengan konsep Klinik 1Malaysia yang diperkenalkan kerajaan.

"Di klinik bergerak ini, pesakit akan melalui ujian saringan seperti pemeriksaan berat badan, tekanan dan kandungan gula dalam darah serta kolesterol, sebelum menjalani pemeriksaan menerusi satu daripada tiga mesin ini.

"Jika kita dapati penduduk mempunyai masalah jantung, mereka akan dirujuk ke hospital terdekat tanpa perlu ke ibu negara," katanya selepas



“
Buat masa ini, kita hanya menyewa treler ini untuk menyediakan pemeriksaan jantung kepada rakyat”

Dr Robaayah Zambahari,
Ketua Pegawai Eksekutif IJN

majlis pelancaran Klinik Bergerak IJN di sini, semalam.

Pelancaran majlis bersejarah itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selepas majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2011 yang turut dimenangi IJN.

Dapat sambutan penduduk

Dr Mohamed Ezani berkata, sebelum ini pihaknya mengadakan satu Klinik Bergerak IJN di FELDA Chini dan Kampung Sulong, Pekan di Pahang pada 22 dan 23 Jun lalu, yang mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk di situ.

"Pada program itu, kita mengesan ada 10 pesakit, termasuk lima kanak-kanak mempunyai masalah jantung dan memerlukan rawatan susulan. Berda-

sarkan sambutan diterima, kita bercadang perluaskan empat hingga enam klinik seperti ini di seluruh negara, meliputi kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mungkin akan membeli treler berkenaan untuk dijadikan sebagai klinik secara berperingkat pada awal tahun depan.

IJN harap tajaan

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Tan Sri Dr Robaayah Zambahari, berkata beliau berharap ada pihak yang akan menaja treler dan peralatan yang berkaitan.

"Buat masa ini, kita hanya menyewa treler ini untuk menyediakan pemeriksaan jantung kepada rakyat," katanya.

Henti kontrak hantar pesakit

Sementara itu, Tiong Lai, berkata sejak bulan lalu, kerajaan tidak memperbaharui kontrak menghantar pesakit jantung kanak-kanak dari negara ini ke Hospital Hrudayalaya Narayanan di Bangalore, India.

Beliau berkata, pencapaian dan keupayaan tinggi Institut Jantung Negara (IJN) dan hospital tempatan dalam pembedahan pediatrik mendorong kerajaan menamatkan kontrak itu.

Sebelum ini, kerajaan membiayai sekurang-kurangnya 100 kanak-kanak ke Hrudayalaya Narayanan setiap tahun untuk menjalani pembedahan jantung dengan kos bernilai RM10,000 setiap orang.